

TARIKH: 18/7/23
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 4

4

Negara!



AHMAD ZAHID (tengah) bergambar bersama pemandu p-hailing selepas hadir menyempurnakan Forum Kerangka Kerjaya Industri GIG di WTCKL, Kuala Lumpur semalam. Hadir sama Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar (tiga dari kiri) dan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh (tiga dari kanan).

TPM cadang tambah peruntukan dalam Bajet 2024

RM500 juta untuk penggiat ekonomi gig

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan supaya peruntukan untuk penggiat ekonomi gig ditambah kepada RM500 juta berbanding RM100 juta dalam Bajet 2024.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut bersetuju supaya Majlis Amanah Rakyat (Mara) mewujudkan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) khas untuk penggiat ekonomi gig bagi membantu golongan itu.

Menurutnya, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pula diminta membantu penggiat ekonomi gig dalam kalangan belia yang berhasrat untuk menjadi usahawan.

"Peruntukan yang ada RM100 juta. Jadi tentunya sangat munasabah jika peruntukan ini

ditambah kerana penggiat atau pekerja yang tidak formal ini jumlahnya lebih 1.16 juta. Perlindungan sosial hanya diberi oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)," katanya pada sidang akhbar sempena Forum Kerangka Kerjaya Industri GIG di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini semalam.

Ahmad Zahid turut menegur syarikat penyedia perkhidmatan p-hailing dan e-hailing kerana memberi upah yang sangat rendah kepada penggiat gig.

Katanya, pengusaha ekonomi gig memperoleh kekayaan daripada industri berkenaan, tetapi penggiat gig memperoleh bayaran yang tidak seberapa.

"Ada penggiat gig miliki diploma dan ijazah. Jangan pandang rendah. Mereka bukan memilih, tetapi terpaksa untuk menyara diri dan keluarga," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau meletakkan tarikh sasaran pengumuman penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah pada pembentangan Bajet 2024, Oktober depan.

Jelasnya, antara peranan besar Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia menyelaraskan dan mengatur industri gig dengan regulasi yang jelas agar dapat memastikan pematuhan peraturan, melindungi hak penggiat dan mempromosikan persekitaran yang adil.

"Ia juga bertujuan melindungi pekerja gig dengan menyediakan perlindungan sosial, keselamatan kerja dan hak-hak penggiat gig selain program latihan dan pendidikan yang akan membantu meningkatkan daya saing mereka," ujarnya.

Kosmo
18/7/23
ms